

23 NOV 1999

China-Hubungan

HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA PADA TAHAP YANG TERBAIK KINI

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Hubungan dua hala China-Malaysia adalah pada tahap yang terbaik pada masa ini, kata Perdana Menteri China Zhu Rongji, hari ini.

Zhu Rongji, yang dalam rangka lawatan lima hari ke Malaysia sejak semalam, turut berpendapat bahawa lawatannya ke negara ini dapat menggalakkan lagi hubungan sedia ada yang terjalin antara kedua-dua negara.

Jurucakap Kementerian Luar China Zhu Bangzao memberitahu demikian semasa memberi taklimat kepada media mengenai mesyuarat delegasi antara Zhu Rongji dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini.

"Perdana Menteri Zhu Rongji berkata bahawa hubungan dua hala telah berkembang dengan lancar sejak beberapa tahun lepas dan berada pada tahap yang terbaik pada masa ini. Beliau berkata Malaysia telah menjadi rakan baik China di Asia Tenggara," katanya.

Zhu Bangzao berkata Perdana Menteri China itu juga menyatakan penghargaan besar kepada Dr Mahathir di atas sumbangan penting beliau terhadap hubungan China-Malaysia.

"Perdana Menteri kami berharap bahawa menerusi lawatan ini, momentum yang baik di dalam hubungan dua hala ini boleh dikekalkan dan kerjasama dapat dipereratkan," katanya.

Zhu Bangzao berkata kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju dengan pandangan bahawa sejak hubungan diplomatik dijalinan 25 tahun lepas, kedua-dua negara telah menyaksikan kemajuan yang berterusan di dalam banyak bidang usahasama mereka.

"Dr Mahathir juga menekankan bahawa Malaysia dan China mempunyai persamaan dalam banyak isu dan aspek yang membolehkan kami untuk menjalinkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan mengenai hal ehwal antarabangsa. Beliau juga mengesahkan bahawa Malaysia akan terus melaksanakan dasar yang menyokong kuat Satu China," katanya.

Zhu Bangzao berkata Dr Mahathir telah memuji China di atas cara baru negara itu menggalakkan pembangunan ekonomi dan menghargai peranan China mengekalkan satu matawang yang kukuh di tengah-tengah krisis kewangan Asia.

Menurutnya Perdana Menteri China juga berpendapat bahawa kedua-dua negara perlu meningkatkan kerjasama dalam bidang sains, pendidikan, perdagangan dan teknologi.

"Pada masa ini, hubungan politik yang amat rapat menunjukkan satu keadaan yang baik bagi kedua-dua pihak untuk memperkukuhkan kerjasama ekonomi dan perdagangan," katanya.

-- BERNAMA

RV NAK